

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah ada perancangan yang menyeluruh bagi membangunkan tanah-tanah terbiar yang terdapat di negara ini. Sekiranya ada apakah plan tindakan yang akan dilakukan oleh Kementerian bagi menjayakan pembangunan tanah tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung dapat dioptimumkan penggunaannya supaya penduduk-penduduk kampung menerima manfaat dari segi peningkatan taraf hidup dan secara tidak langsung memacu perkembangan ekonomi negara. Salah satu perancangan KPLB bagi membangunkan tanah terbiar adalah Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK).

**Tuan Yang di-Pertua,**

PROSPEK ini merupakan satu projek yang memberi fokus kepada komponen ekonomi, prasarana asas dan perumahan. Komponen ekonomi ini menumpukan kepada *niche product* di kampung tersebut. Antara contoh projek yang telah dilaksanakan adalah

tanaman jagung di PROSPEK Rintis Kg.Sidam, Kulim, Kedah yang dilaksanakan oleh KEDA dan ternakan ikan air tawar di PROSPEK Rintis Kg. Pasir Raja, Dungun, Terengganu yang dilaksanakan oleh KETENGAH.

Projek tanaman jagung dan ternakan ikan air tawar ini dibuat diatas tanah-tanah dan kolam-kolam terbiar di kampung-kampung yang telah dikenalpasti melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, FAMA, Perikanan, Jabatan Perparitan dan Saliran selain daripada penglibatan secara langsung penduduk kampung melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi tahun 2020, pelaksanaan PROSPEK diperluaskan kepada 5 negeri lain iaitu Negeri Kelantan dengan *niche product* penternakan ayam daging, Negeri Pahang dengan tanaman musang king, Negeri Perak dengan penternakan rusa, Negeri Sabah dengan tanaman ubi kayu dan Negeri Sarawak dengan sesar unjur (udang salai). Bagi tahun 2021, KPLB berhasrat untuk meluaskan lagi pelaksanaan PROSPEK ini ke semua negeri untuk dilaksanakan.

Oleh itu, diharapkan pelaksanaan projek-projek ini dapat membantu membangunkan tanah-tanah terbiar yang ada di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.